

* Harga barangan melambung jika AS adakan dasar khas

Um- 8/3/2007

KUALA LUMPUR 5 Mac – Malaysia bakal menghadapi tekanan dari aspek kenaikan melambung harga barangan, jika Amerika Syarikat (AS) memaksa diadakan dasar khas dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan negara ini berkaitan bidang kepakaran tinggi serta pemindahan teknologi.

Malah, rundingan FTA itu juga bakal memberi kesan besar kepada kontraktor bumiputera dalam pemerolehan kerajaan jika kerajaan tidak memberi kajian terperinci berhubung perkara tersebut.

Penganalisis ekonomi, Haim Hilman Abdullah berkata, negara memerlukan pemindahan teknologi terkini dalam bidang pertanian untuk memajukan sektor berkenaan dengan lebih cepat.

Melalui perjanjian tersebut, katanya, AS dijangka memberi tekanan ke atas Malaysia dengan menaikkan kos pelaburan bagi pemindahan teknologi.

“Segala teknologi, mesin, jentera dan keperluan lain pastinya akan diimport pada harga yang melambung tinggi dan ia akan memberi kesan kepada petani serta usahawan yang terbabit dalam pertanian,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Setiausaha Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Martin Khor yang memberi gambaran bahawa rakyat negara ini bakal dibebani dengan harga ubat 10 kali ganda lebih tinggi, jika AS memaksa Malaysia melaksanakan dasar Data Eksklusif melalui FTA.

Melalui FTA, dibimbangi juga AS akan memaksa Malaysia melaksanakan dasar Data Eksklusif tersebut iaitu hanya ubat berjenama dan telah dipatenkan, terutama yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat negara itu boleh dijual berbanding ubat generik.

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Abdul Rahim Anuar pula berkata, Malaysia bakal menghadapi tekanan kenaikan harga ubat yang tinggi kerana negara ini tidak memiliki kepakaran dan kemahiran dalam mengeluarkan ubat-ubatan tersebut khususnya untuk mengubati AIDS, jantung dan barah.

“Memandangkan AS telah melabur dengan banyaknya dalam bidang perubatan maka wajarlah negara itu melaksanakan

dasar tersebut bagi memastikan ubat berjenama dan telah dipatenkan sahaja dijual di negara ini nanti.

“Tetapi kita perlu lihat berapa lama tempoh paten ubat-ubatan tersebut, sekiranya ia dalam tempoh jangka pendek, ia memberi keuntungan, tetapi saya yakin ia pastinya membabitkan tempoh yang agak lama,” ujarnya.

Mengenai pemerolehan kerajaan pula, kontraktor bumiputera kelas F bakal ‘gulong tikar’ sekiranya tender kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dibuka kepada syarikat AS.

“Sekiranya FTA ditandatangani, maka projek dalam RMK-9, yang bernilai lebih RM200 bilion akan turut direbut oleh syarikat AS,” tambah beliau.